

Tajuk : UNIMAS sahut cabaran dalam Cabaran Usahawan Muda 1M'sia

UNIMAS sahut cabaran dalam Cabaran Usahawan Muda 1M'sia

Utusan Borneo M/s: A3 30/04/12 Isnin

UNIVERSITI Malaysia Sarawak (UNIMAS) menyahut cabaran dalam Cabaran Usahawan Muda 1Malaysia (1M-YEC) untuk membantu projek-projek komuniti dalam konsep pembangunan keusahawanan sosial yang bermula 2011.

Dengan hasrat untuk membantu menambah baik produk komuniti pasukan 1M-YEC UNIMAS ditubuhkan dan dianggotai tujuh ahli.

Desmond Bong selaku presiden pasukan, Herbson Sungong (timbalan presiden) manakala Esther Mingel (setiausaha) Raymond Lubun Tinsang (bendahari), Fairuz Adnan Zabidi (pemasaran), Nurul Liana

(pengurusan pengeluaran) dan Norlin Atahar (perhubungan awam).

Kerjasama pelajar dengan pelbagai kaum dan etnik daripada Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Fakulti Sains Teknologi dan Sumber serta Fakulti Kejuruteraan.

Pasukan itu dibantu oleh kumpulan penasihat merangkumi pegawai-pegawai UNIMAS iaitu Adillah Ismail, Sapi'ee Hanapi dan Noor Amira.

Pasukan UNIMAS melantik penasihat perniagaan Rosly Averine yang merupakan timbalan pengarah SME bank daripada ibu pejabat Kuching.

Ditubuhkan pada 2010, program 1M-

YEC muncul apabila Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melancarkan Pameran Kebangsaan Malaysia SIFE (SMNE) dengan kementerian bersetuju program itu boleh ditingkat dan diperluaskan ke peringkat kebangsaan.

Penyertaan dibuka kepada pelajar dan institusi semua peringkat yang mahu mengeluarkan produk-produk 1Malaysia.

Program itu telah menunjukkan keprihatinan dan sokongan kerajaan terhadap pembangunan kehidupan dan meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar ke arah mencapai status negara maju pada 2020.

Pasukan itu telah

melaksanakan beberapa usaha untuk mempromosikan 1M-YEC bagi memastikan kejayaannya, antaranya menerusi temu bual radio Sarawak FM dan Cats FM, menyebarkan maklumat menerusi akhbar-akhbar tempatan, menyediakan khidmat nasihat dalam strategi pemasaran, penyusunan semula syarikat menerusi pendekatan 5S, membuat analisis menerusi penyelidikan dan pembangunan produk dengan kerjasama Fakulti Sains dan Teknologi Sumber, permohonan sijil Halal JAKIM dan pelbagai latihan dalam teknik-teknik jualan.

Dari 14 hingga 16 April lalu, pasukan itu mengikuti

kursus tiga hari di Hotel Merdeka Palace untuk mempersiapkan projek itu yang turut dihadiri pelajar daripada SMK Bandar Sarikei dan Kolej Tunku Haji Bujang Miri.

Inisiatif ini dilakukan dengan kerjasama MITI dan SIFE diketuai Datin Profesor Norlela Nuruddin merangkap pengarah SIFE Malaysia.

Keputusan dan impak pasukan projek juga dibentang di Konvensyen 1M-YEC yang diadakan di Kuala Lumpur dari 18 hingga 20 Julai nanti.

Konvensyen merangkap pertandingan itu akan disertai orang awam, kolej dan sekolah di seluruh negara dan akan diadili oleh individu terkenal dalam industri korporat.